

Pengalaman selaku relawan dorong lulusan NIE mahu jadi guru cemerlang

► KHAIROL AKMAL ALI
khrla@sph.com.sg

Untuk menjadi seorang guru bukan mudah.

Minat sahaja tidak mencukupi untuk menjadi guru cemerlang.

Ia memerlukan kekuatan mental yang kental dan motivasi tahap tinggi.

Demikian dinyatakan oleh lulusan Institut Pendidikan Nasional (NIE), Cik Nur Imanina Juraimi, yang baru memulakan kerjaya sebagai guru.

Beliau percaya adalah perlu menggunakan kuasa pengetahuan dan pendidikan untuk berbaiki kepada masyarakat.

“Moto hidup saya. Hidup hanya sekali, maka manfaatkan masa dengan menyumbang semula kepada masyarakat,” kongsi beliau.

Hasrat Cik Nur Imanina, 23 tahun, untuk mengajar timbul sebelum beliau ke universiti.

Ia diraih melalui pengalaman beliau sebagai seorang sukarelawan.

Semasa di Maktab Rendah Nanyang, beliau terlibat dalam Projek Reben Ku-

ning. Melaluiinya, beliau mempelajari rasa kesal bekas pesalah termasuk menge-nai pilihan pendidikan mereka.

“Mendengar kisah mereka membuat saya sedar peri pentingnya pendidikan,” jelas beliau.

Semasa menjadi sukarelawan di THK Nursing Home @ Hougang, beliau menyaksikan semangat tidak berbelah bagi warga emas yang masih ingin meminima ilmu walaupun berusia, kerana sedar tentang pentingnya pembelajaran sepanjang hayat.

Menurut Cik Imanina, pada mulanya beliau ingin bekerja dalam bidang kewangan.

Namun, selepas melalui pengalaman sebagai sukarelawan, beliau berasa sekertifnya sebagai guru.

“Saya dapat lihat bahawa pelajar ini bukan tidak minat membaca, kadang-kala persekitaran mereka juga memainkan peranan,” jelas Cik Imanina.

Sejak 2023, beliau secara aktif menjadi sukarelawan program kidsREAD.

Ia merupakan satu inisiatif kebangsaan yang memupuk minat membaca dalam kalangan kanak-kanak kurang bernasib baik dan berumur empat hingga lapan tahun.



Lulusan Institut Pendidikan Nasional (NIE), Cik Nur Imanina Juraimi, percaya bahawa pendidikan dan pengetahuan dapat mempengaruhi kehidupan seseorang individu. – Foto BH oleh NUR DIYANA TAHA

Melalui program itu, beliau didedahkan kepada kesukaran membaca dan pelbagai persekitaran rumah kanak-kanak itu. Ia sekali gus meluaskan perspektifnya sebagai guru.

“Setiap guru mempunyai falsafah pengajaran tersendiri. Bagi saya, falsafah saya adalah untuk meningkatkan cinta pelajar saya terhadap pelajaran,” kongsi Cik Imanina.

Hasil pengalaman itu, Cik Imanina menjadi lebih peka akan keperluan pelajar berbeza.

“Setiap guru mempunyai falsafah pengajaran tersendiri. Bagi saya, falsafah saya adalah untuk meningkatkan cinta pelajar saya terhadap pelajaran,” kongsi Cik Imanina.

beliau.

Beliau akan membentuk kumpulan pelajar berdasarkan kekuatan mereka dan menyesuaikan soalan mengikut tahap.

Beliau turut menyiapkan kegiatan di kelas berdasarkan minat pelajar.

“Saya mempunyai kelas yang sangat suka dengan Pokemon. Saya gunakan Internet untuk mengetahui lebih lanjut tentang Pokemon, dan saya menyediakan soalannya untuk mereka,” kongsi Cik Imanina.

Beliau memasukkan juga unsur permainan dalam pengajarannya, menggunakan konsep permainan, *Snake &*

Ladders, untuk menyediakan mereka untuk ujian lisan.

Cik Imanina juga menghabiskan masa di luar kelas untuk mengenali pelajar-na dengan lebih mendalam.

“Saya punya pelajar yang kurang motivasi. Untuk mengatasi masalah ini, saya akan cuba habiskan masa di luar kelas, misalnya semasa waktu rehat, untuk mengenali mereka agar saya dapat membangkitkan semangat mereka semula,” jelasnya.

Kini, beliau sedang mempelajari bahasa isyarat selepas menyaksikan seorang guru menggunakan semasa kelas, walaupun guru berkenaan tidak

“Saya mempunyai pelajar yang kurang motivasi. Untuk mengatasi masalah ini, saya akan cuba menghabiskan masa di luar kelas, misalnya semasa waktu rehat, untuk mengenali mereka agar saya dapat membangkitkan semangat mereka semula.”

– Cik Nur Imanina Juraimi, guru di Sekolah Rendah Northshore.

mempunyai pelajar yang memerlukan naya.

Inisiatif guru tersebut membuat Cik Imanina melihat kepentingan pendekatan kecil tetapi berkesan bagi memupuk penglibatan dan pelbagai keperluan dalam persekitaran pembelajaran.

Pengalamannya secara kolektif memperkuatkukan komitmen Cik Imanina untuk menjadi guru yang memupuk sifat ingin tahu pelajarnya dan memperkasakan mereka untuk mencapai potensi penuh.

Beliau mahu para pelajarnya tahu bahawa beliau sentiasa menyokong mereka dan apa jua yang dilakukan adalah dengan niat baik, demi masa depan mereka.